

**UCAPAN REKTOR KUTKM**  
**SEMPENA MAJLIS PENUTUP MSM**

Para Mahasiswa yang dikasihi sekalian  
Assalammualaikum wrt. wbt. dan selamat sejahtera.

Yang Berusaha Pengaraca Majlis

Terlebih dahulu saya bersyukur kehadrat Allah s.w.t.

Tetamu Kehormat Kita

kerana dengan Rahmat dan InnayahNya dapat kita

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong

berkumpul pada pagi ini di Majlis Penutup Minggu

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

Suaikenal Mahasiswa Kali Pertama KUTKM.

Yang Berbahagia Datuk Abdul Raman Hj. Saad

Saya dan seluruh warga KUTKM merakamkan jutaan

Ahli Lembaga Pengarah KUTKM

terima kasih kepada Tetamu Kehormat kita, Yang

Yang Berbahagia Tuan Hj. Kamaruddin Hj. Awang

Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh Sulong,

Pengerusi Eksekutif Metacorp Berhad dan rakan-rakan

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM yang sudi untuk

Timbalan-Timbalan Rektor

menyempurnakan majlis penutup ini. Sesungguhnya

Ahli-ahli Senat

Pegawai-Pegawai Kanan KUTKM

sumbangkan idea dan pengorbanan masa Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri amat kami sanjung tinggi.

Seterusnya saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf KUTKM kerana telah bertungkus lumus selama kira-kira 3 minggu untuk menjayakan Program Minggu Suaikenal Mahasiswa 2001 ini. Hanya ALLAH sahaja yang dapat membalaus usaha-usaha dan pengorbanan saudara-saudara semua. Saya berharap usaha-usaha gigih dan semangat berpasukan ini akan terus kitakekalkan sehingga KUTKM mencapai taraf universiti teknikal yang unggul di Malaysia dan antarabangsa. Syabas saya ucapkan kepada semua staf.

Saudara saudari mahasiswa sekalian,

Tertubuhnya satu-satu universiti dengan sendirinya terwujud satu organisasi pembelajaran. Organisasi pembelajaran adalah satu falsafah yang menekankan kepada belajar untuk terus belajar, belajar untuk menangani perubahan, dan melaksanakan perubahan untuk menghasilkan pembelajaran.

Untuk makluman mahasiswa/mahasiswi, mengapakah perlunya wujud organisasi pembelajaran?

- Kerana kita mahukan prestasi terbaik dan kelebihan dengan saing

- Untuk hubungan pelanggan
  - Untuk mengelakkan kemerosotan (dalam segi keilmuan)
  - Untuk penambah baikan kualiti
  - Untuk memahami risiko dan kepelbagaian secara lebih mendalam
  - Untuk inovasi
  - Untuk kesejahteraan personal dan rohaniah
  - Untuk mempertingkatkan kebolehan kita mengurus perubahan
  - Untuk kefahaman
  - Untuk memberi tenaga kepada pekerja-pekerja yang komited
  - Untuk memperluaskan sempadan (boundary dan horizon)
  - Untuk penglibatan dalam komuniti
  - Untuk kemerdekaan dan kebebasan
  - Untuk kesedaran mengenai pentingnya saling bersandaran
- Untuk menyediakan dan memperlengkapan sesebuah organisasi pembelajaran seperti KUTKM ini memerlukan kos yang sangat besar seperti prasarana, sumber manusia dan pengurusan.
- Kos pengurusan untuk menjalankan program kejuruteraan dan teknikal adalah sekitar RM12,000 – RM15,000

setahun untuk setiap pelajar dan kos pembangunan setiap pelajar adalah disekitar RM25,000 – RM35,000.

Oleh itu, para mahasiswa perlu sedar bahawa kerajaan kita membelanjakan peruntukan begitu besar untuk membayai pembelajaran saudara-saudari. Bersyukurlah kita dengan kemudahan ini. Kemudahan ini tidak akan dapat disediakan jika kerajaan tidak merancang ekonomi dan pembangunan kita dengan begitu cekap dan sistematik. Ekonomi dan pembangunan tidak dapat dijana dan dilaksanakan jika kestabilan politik tidak wujud dan keharmonian kaum tidak mantap. Kita sebagai warganegara patut/wajib memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara, Yang Di-Pertuan Agong dan

Kerajaan yang memerintah, jika kita ingin kekal dengan apa yang kita ada sekarang, malahan lebih baik lagi.

Pelajar-pelajar perlu sentiasa peka dengan keadaan semasa dengan membaca akhbar/media cetak yang boleh dipercayai seperti berita BERNAMA, bukan akhbar-akhbar yang memaklumkan khabar-khabar angin dan fitnah. Tengok media elektronik seperti TV, TV1, TV3 dan bukannya merayau atau menyelinap di halaman-halaman internet yang menyebarkan fitnah dan memburuk-burukkan negara dan pemimpin negara. Cuba saudara-saudara lihat minggu lepas, percetakan dan penyebaran majalah VARSITI 2001, Universiti Malaya. Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya menafikan

penglibatan mereka di dalam penerbitan majalah ini. Makalah yang dicetak diambil dari internet. Penulisan tidak ilmiah dan tidak berkualiti dan kebanyakan yang ditulis adalah memburuk-burukkan kepimpinan negara. Jika betul pun PMUM tidak terlibat, mengapa mereka berselindung disebalik persatuan itu. Jawapannya adalah tidak lain, kerana mereka tahu kepimpinan PMUM sendiri tidak memperjuangkan wadah kerajaan yang memerintah. Mereka lebih mirip kepada penentang-penentang kerajaan. Jika mereka menggunakan platform majalah PMUiTM sudah tentu masyarakat tidak terima dan percaya. Oleh kerana PMUiTM adalah persatuan yang memahami dasar-dasar Kerajaan dan tidak sebaliknya.

Oleh itu saya ingatkan dan berharap para pelajar fahamilah dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, D Pendidikan Kebangsaan, Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), mengapa MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara) ditubuhkan? Mengapa kita menetapkan nilai Ringgit kita kepada US Dollar? Mengapa IMF ingin mencengkap negara-negara yang dilanda kegawatan ekonomi? Mengapa Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) begitu penting sekarang? Begitu juga untuk bersaing diperingkat Global, ekonomi berdasarkan pengetahuan (K-Ekonomi) sudah menjadi kimestian. Jadi apakah langkah-langkah dan persediaan kita untuk menghadapi cabaran ini.

Perkara-perkara ini semuanya terjawab jika kita membaca majalah-majalah ilmiah, akhbar-akhbar dan melihat media elektronik seperti rancangan BERITA PERDANA, BULETIN UTAMA. Minda dan pemikiran saudara-saudari perlu terbuka sentiasa melihat atau memikir yang baik dan positif. Jadilah seorang pelajar dan rakyat yang harmonis, rasional dan tahu berterima kasih kepada ibubapa, pemerintah dan negara.

Untuk itu pelajar-pelajar perlu mengwujudkan keharmonian di dalam kampus. Bergaul dengan semua golongan dan kaum. Hormatilah budaya dan cara hidup kaum-kaum lain. Jangan mementingkan diri sendiri. Amalkan ciri-ciri toleransi yang tinggi. Laksanakan

aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan nasional seperti belia/pelajar bersama masyarakat, penggalakan sains dan teknologi. Ekspedisi berbilang kaum, seminar Integrasi Nasional.

Wujudkan Majlis Perwakilan Mahasiswa yang menggambarkan komposisi mahasiswa, bumiputra dan bukan bumiputra. Pupuk semangat kerjasama dan perpaduan semasa di dalam kampus lagi.

Laksanakan kaedah permuafakatan atau musyawarah di dalam mengendalikan aktiviti/persatuan/kelab dan sebagainya. Jika pelajar-pelajar menghadapi masalah, sila

berunding dengan bahagian HEP atau terus dengan Timbalan Rektor atau Rektor.

Akhir sekali, dalam kegairahan kita melengkapkan dan memantapkan akademik, kemahiran dan ketrampilan kita, pelajar-pelajar jangan lupa seharusnya memiliki pemikiran dan sistem nilai yang positif. Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ciri-ciri ini adalah penting bagi membangunkan budaya produktif dan budaya kecemerlangan serta memastikan kejayaan kita dapat dikenalkan.

Seperti yang telah saya nyatakan tadi, para pelajar seharusnya berfikiran positif dan memahami dengan jelas bahawa dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bersifat konstruktif dan progresif dalam menyediakan peluang-peluang yang lebih baik kepada segenap lapisan rakyat. Justeru itu, para pelajar perlu memanfaatkan sepenuhnya peluang belajar di universiti ini.

Setiap pelajar seharusnya mempunyai niat yang jelas dan azam yang tinggi untuk memperoleh kejayaan yang cemerlang supaya akhirnya dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.